

TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
TARIKH: 26 MEI 2015 (SELASA) BIL: 9 2014/2015

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.5	Bagi Program <i>Integrated Master Phd Programm</i>, satu kod khas akan diwujudkan. Oleh itu, SRAD akan mengadakan satu mesyuarat untuk membincangkan dengan lebih lanjut mengenai pewujudan kod ini. Pelajar perlu memperolehi sekurang-kurangnya 3.67 di Peringkat Ijazah Sarjana Muda untuk di tawarkan bagi mengikuti program ini. Pelajar akan menjalankan <i>conversion</i> dari Sarjana Penyelidikan ke PhD pada semester kedua untuk menukar pendaftaran pengajian ke program Sarjana ke Ijazah Kedoktoran tertakluk kepada ketetapan berikut: a) Telah menunjukkan kompetensi dan kebolehan dalam menjalankan penyelidikan pada tahap Ijazah Kedoktoran; dan b) Mendapat kelulusan daripada Senat. Program ini akan dilaksanakan bermula daripada Semester 1, Sesi 2015/2016.	<i>Makluman dan tindakan SRAD</i>	Pihak SRAD telah membincangkan perkara ini dalam mesyuarat dengan pihak AMD dan SPS baru-baru ini.
2.1	Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti Bil. 8/2014/2015 dengan pembetulan seperti berikut:	<i>Tindakan : Urusetia</i>	Selesai

	Prof. Madya Dr. Norihan binti Abu Hassan - UTM PERDANA, Prof. Madya Dr. Norazman bin Abdul Majid - Akademi Bahasa dan Dr. Norasykin binti Mohd Zaid -Fakulti Pendidikan hadir ke mesyuarat JAPSU pada 27 April 2015.		
4.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bengkel Pengurusan Akademik & Pasca Siswazah yang akan diadakan pada 7- 8 Jun 2015 mungkin akan ditangguh kerana bertembung dengan Majlis Citra Karisma dan juga Amanat Naib Canselor.	<i>Tindakan : SRAD</i>	Pihak SRAD sedang mencari tarikh yang bersesuaian
4.5	Mesyuarat dimaklumkan bahawa VDR (Visa Dengan Rujukan) hanya sah untuk satu semester sahaja. Fakulti diminta menyemak dahulu sama ada VDR pelajar masih berbaki atau pun tidak.	<i>Tindakan : Semua fakulti</i>	Fakulti telah mengambil maklum
10.1	Mesyuarat dimaklumkan berhubung ketiadaan petugas pada hari Info Day UTM. SRAD diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada dekan fakulti yang tiada petugas. Selain itu, SRAD juga diminta agar tidak mengambil petugas daripada SPACE di masa hadapan kerana mereka tidak akan hadir ke Info Day.	<i>Tindakan : SRAD</i>	Pihak SRAD akan memaklumkan fakulti pada mesyuarat post mortem yang akan diadakan dalam masa terdekat
10.2	AMD diminta untuk memberi taklimat pendaftaran kursus untuk pelajar baru pada semester akan datang.	<i>Tindakan : AMD</i>	AMD telah mengambil maklum